MESTI BACA

Jadual Berkala Unsur Moden

1. Dalam Jadual Berkala Unsur Moden, unsur-unsur disusun dalam tertib menaik **nombor proton**.
2. Nombor proton **bertambah** sebanyak satu unit dari kiri ke kanan kala dalam Jadual Berkala.
3. Jadual Berkala mempunyai 18 kumpulan.

Kumpulan	Nama
1	Logam alkali (Li, Na, K, Rb, Cs, Fr)
2	Logam alkali bumi (Be, Mg, Ca, Sr, Ba, Ra)
3 - 12	Logam peralihan
17	Halogen (F, Cl, Br, I, At)
18	Gas nadir (He, Ne, Ar, Kr, Xe, Rn)

4. Unsur-unsur dalam **kumpulan** yang sama mempunyai **sifat kimia** yang **sama**.
5. Apabila **merentasi kala** dari kiri ke kanan, **sifat kimia** dan **sifat fizik** berubah secara beransur-ansur.

PILIHAN JAWAPAN

Bagi soalan 11(a) - (e)

magnesium
kimia
proton
natrium
argon
halogen

JAWAB

KERTAS 2, BAHAGIAN B

11. Rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada Jadual Berkala Unsur Moden.



(a) Bagaimanakah unsur-unsur dalam Jadual Berkala Unsur Moden itu disusun?

Mengikut tertib menaik nombor _____

(b) Unsur yang manakah merupakan gas nadir?

_____

(c) Namakan **dua** unsur yang merupakan logam.

_____

_____

(d) Apakah persamaan bagi unsur Na dan K yang terletak dalam kumpulan yang sama?

Mempunyai sifat _____ yang sama.

(e) Apakah nama kumpulan bagi unsur F dan Cl?

_____

LIVEWORKSHEETS